

10 JUL 2004

Senator-Razaleigh

TENGGU RAZALEIGH SEBAGAI AHLI MT PATUT PERTAHAN KEPUTUSAN MT

IPOH, 10 Julai (Bernama) -- Tengku Razaleigh Hamzah sebagai ahli Majlis

Tertinggi (MT) Umno sepatutnya menghormati dan mempertahankan keputusan MT

supaya dua jawatan tertinggi parti tidak dipertandingkan.

Presiden Kelab Senator Datuk Hamzah Zainuddin berkata, keputusan MT

sebagai badan tertinggi Umno yang menetapkan supaya jawatan Presiden dan

Timbalan Presiden Umno tidak dipertandingkan perlu dihormati kerana keputusan itu sendiri sudah dikira demokrasi.

Katanya, anggota Parlimen Gua Musang itu sendiri sudah menyatakan

persetujuan itu kerana beliau hadir pada mesyuarat MT dan jika beliau tidak

berpuashati beliau sepatutnya menyuarakan pada mesyuarat itu dan bukan

selepas MT membuat keputusan serta mengumumkannya.

"Sebagai ahli MT adalah menjadi tugas beliau mempertahankan apa yang

diputuskan MT. Beliau kena kaji balik tindakannya itu kerana sejak tahun

1980 beliau menunjukkan sikap terlalu mengejar jawatan," katanya kepada

pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Pemuda Umno Bahagian Ipoh

Barat di sini, hari ini.

Semalam, ketika berucap merasmikan mesyuarat perwakilan Pemuda dan

Puteri Umno Bahagian Gua Musang, Tengku Razaleigh membuat pengumuman menawarkan diri bertanding jawatan Presiden Umno kerana mahu

menghidupkan

kembali demokrasi dalam Umno.

Hamzah yang juga Ketua Umno Bahagian Ipoh Barat berkata Tengku Razaleigh pernah dua kali mencabar Tan Sri Musa Hitam untuk jawatan

Timbalan Presiden Umno iaitu pada tahun 1981 dan 1984 tetapi gagal dan pada

tahun 1987 mencabar pula bekas Presiden Umno Tun Dr Mahathir Mohamad dan

juga gagal.

" Bermula dari situ sudah nampak keretakan dalam Umno. Selepas itu

beliau menubuhkan pula Semangat 46 dan bergabung dengan Pas pada pilihan

raya umum 1990 sehingga Kelantan terlepas kepada Pas sehingga sekarang

walaupun beliau telah kembali kepada Umno," katanya.

Katanya, beliau yakin bahawa Tengku Razaleigh hanya mementingkan dirinya kerana dalam keadaan Umno kembali bersatu padu, beliau menawarkan pula untuk bertanding jawatan Presiden Umno.

Hamzah meminta Tengku Razaleigh memikirkkan kembali hasratnya itu dan benar-benar menghayati perjuangan membela nasib bangsa kerana tindakan beliau boleh mewujudkan rasa tidak puas hati terhadap keputusan MT.

Sementara itu, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Datuk Ahmad Husni Hanadzlah berkata Tengku Razaleigh menyatakan hasratnya

pada masa yang tidak sesuai di mana Barisan Nasional (BN) dan Umno baru

sahaja mencatatkan kemenangan paling besar dalam sejarah pilihan raya umum negara.

Katanya, Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah memimpin BN dan Umno dengan baik sekali dan sepatutnya diberi peluang meneruskan kepimpinannya.

"Sejak menjadi Perdana Menteri, beliau telah membuat beberapa perancangan untuk masa depan negara. Jadi biarkanlah dia teruskan apa yang dia mahu lakukan untuk Umno, BN dan Malaysia.

"Lainlah kalau seorang pemimpin gagal memimpin dengan baik dan kekeringan idea untuk memimpin. Dalam keadaan macam tu boleh dicabar pemimpin itu untuk ditukar dengan pemimpin yang lebih baik. Bukan semua orang boleh mendapat apa yang mereka mahukan," katanya.

Kepada sesiapa yang hendak mencalonkan Tengku Razaleigh, beliau menasihatkan mereka supaya memikirkannya sedalam-dalamnya kerana pencalonan itu adalah urusan yang betul-betul serius.

-- BERNAMA

KAY PR